



12 SEP, 2024

Syabu 73kg bernilai RM2.35j ditemukan dalam SUV

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2



ISMAIL Hashim (tengah) menunjukkan dadah bernilai RM2.35 juta yang dirampas dalam sidang akhbar di pejabat kastam cawangan Padang Besar, Perlis semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Syabu 73kg bernilai RM2.35j ditemukan dalam SUV

PADANG BESAR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri merampas dadah jenis syabu seberat 73.319 kilogram dianggarkan bernilai RM2.35 juta sewaktu pemeriksaan rutin di laluan import Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP), Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, pada Selasa lalu.

Penemuan tersebut, hasil pemeriksaan pada pukul 8.15 pagi itu yang dilakukan terhadap sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Isuzu MU-X bernombor pendaftaran Thailand yang dipandu seorang lelaki warga Thailand berusia dalam lingkun-

gan 20-an.

Bagaimanapun, ketika pemeriksaan terhadap kenderaan itu, pemandu berkenaan mengambil kesempatan melarikan diri dipercayai ke arah sempadan Malaysia.

Pengarah Kastam negeri, Ismail Hashim berkata, hasil pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan berkenaan telah menemukan 56 paket teh Cina bertulis 'Guanyingwang' disembunyikan dalam ruangan khas bahagian bawah tempat duduk penumpang belakang.

Katanya, selain itu, pemeriksaan lanjut turut membawa kepada penemuan 14 bungkusan

hitam yang disorokkan di bahagian ruangan khas lantai tempat duduk penumpang belakang.

"Sewaktu pegawai bertugas sedang melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan itu, pemandu berkenaan telah mengambil kesempatan bertindak melarikan diri dipercayai ke arah sempadan Malaysia.

"Kejadian itu berlaku begitu pantas di mana sewaktu pegawai bertugas sedang memeriksa bahagian belakang kenderaan itu, pemandunya telah bertindak menghilangkan diri tanpa dikesan," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Kastam Cawangan Padang Besar di sini, semalam.



12 SEP, 2024

Syabu 73kg bernilai RM2.35j ditemukan dalam SUV

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

PADANG BESAR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri merampas dadah jenis syabu seberat 73.319 kilogram dianggarkan bernilai RM2.35 juta sewaktu pemeriksaan rutin di laluan import Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP), Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, pada Selasa lalu. Penemuan tersebut, hasil pemeriksaan pada pukul 8.15 pagi itu yang dilakukan terhadap sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Isuzu MU-X bernombor pendaftaran Thailand yang dipandu seorang lelaki warga Thailand berusia dalam lingkungan

20-an.